

'Tarik balik kontrak jika jual kontrak'

BH - 31/1/2020 m/s: 2

Langkah pastikan bantuan kepada rakyat dilaksanakan dengan tertib


Oleh Mohd Anwar Patho Rohman dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan kerajaan akan menarik balik kontrak yang diberikan kepada rakyat jika mereka menjualnya kepada pihak ketiga untuk mendapat ke-

untungan dengan jalan mudah.

Perdana Menteri berkata, kerajaan selepas ini mahu memastikan segala bantuan dan peluang yang diberikan kepada rakyat seperti kontrak dan permit import (AP) bertujuan membantu mereka meningkatkan pendapatan, dilaksanakan dengan tertib.

Katanya, beliau tidak mahu melihat perbuatan menjual kontrak

 **Kalau kita dapat tahu ada yang jual peluang diberikan, kita akan tarik balik seperti kontrak, lesen dan AP. Itu antara halangan kejayaan dasar kerajaan.**

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

dan lesen seperti yang berlaku ketika Dasar Ekonomi Baru (DEB) sebelum ini berulang sehingga menggagalkan usaha kerajaan membantu meningkatkan pendapatan rakyat.

"Kita tahu ada yang dapat kontrak, tapi mereka jual. Ada yang dapat peluang dan bantuan daripada kerajaan tetapi cari jalan mudah jual kepada pihak lain. Bila wang mereka habis, mereka terus jadi miskin seperti dulu.

"Sebab itu kali ini kita hendak pastikan segala peluang, kontrak

termasuk AP yang diberikan akan digunakan secara tersusun dan tertib.

"Kalau kita dapat tahu ada yang jual peluang diberikan, kita akan tarik balik seperti kontrak, lesen dan AP. Itulah antara perkara yang menghalang kejayaan dasar kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Ramah Mesra Perdana Menteri Bersama Warga Kementerian Pembangunan Luar Bandar di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), semalam.